

D306

U B494 DEB

MAHATHIR - BN

BUKIT MERTAJAM, 6 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI MENINGATI PARA PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL (BN) SUPAYA MENGABDIKAN DIRI KEPADA PARTI MASING-MASING DAN BUKANNYA MENGUTAMAKAN KEDUDUKAN DIRI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, LANGKAH ITU AMAT PERLU KERANA PARTI ADALAH HAMBA KEPADA NEGARA YANG MELALUINYA SEGALA PERJUANGAN UNTUK MENENTUKAN KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA, BANGSA DAN AGAMA BOLEH DICAPAI.

+KITA HENDAKLAH MEMPERHAMBAKAN DIRI KITA KEPADA PERJUANGAN UNTUK NEGARA, KERANA PERJUANGAN INI AKAN MENENTUKAN MAJU-MUNDURNYA NEGARA KITA, SELAMAT ATAU TIDAKNYA AGAMA KITA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KEPADA KIRA-KIRA 12,000 ORANG ANGGOTA PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA PARTI-PARTI KOMPONEN BN BAHAGIAN PERMATANG PAUH YANG DIANJURKAN OLEH PERGERAKAN PEMUDA UMNO BAHAGIAN ITU DI SEKOLAH KEBANGSAAN GUAR PERAHU DEKAT SINI HARI INI.

PERDANA MENTERI MENINGATI PARA PEMIMPIN ITU SUPAYA SENTIASA MENJALIN PERHUBUNGAN DENGAN MASYARAKAT KERANA SEKIRANYA MEREKA TERPISAH DARIPADA KUMPULAN ITU, MAKA INI IA AKAN MENYUKARKAN MEREKA DALAM SEGALA HAL. -- LAGI.

1657MST 06 08 85

MAHATHIR - BN 2 BUKIT MERTAJAM

BELIAU BERKATA, PERHUBUNGAN SEPERTI INI SANGAT PENTING KERANA IA MENJADI ASAS KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA.

BELIAU MEMBIDAS SESETENGAH PEMIMPIN PARTI YANG TERLALU TAKSUB KEPADA SOAL-SOAL SENDIRI TANPA MENDAMPINGI RAKYAT YANG TELAH MEMILIH MEREKA UNTUK MEMIMPIN KECUALI SEMASA KEMPEN PILIHAN RAYA, MEREKA AKAN MENJENGUK MASYARAKAT ITU.

MENGENAI KEDUDUKAN BN SEKARANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEDUDUKANNYA TERUS KUKUH DAN TEGUH WALAUPUN ADA +SEDIKIT MASALAH+ DI KALANGAN PARTI-PARTI KOMPONENNYA.

MENURUTNYA, MASALAH-MASALAH ITU PULA AKAN CUBA DISELESAIKAN SECEPAT MUNGKIN DAN BERHARAP MEREKA YANG TERBABIT AKAN MENERIMA KEPUTUSAN SEGALA RUNDINGAN ATAU MESYUARAT YANG DIBUAT.

+JANGANLAH ADA SESIAPA DARIPADA PEMIMPIN MANA-MANA PARTI KOMPONEN BN SAMA ADA PARTI UMNO, MCA, MIC, GERAKAN, SUPP ATAUPUN SESIAPA SAHAJA, YANG MENGUTAMAKAN KEDUDUKAN DIRI SAHAJA,+ TEGAS BELIAU. -- LAGI.

1701MST 06 08 85

MAHATHIR - BN 3 BUKIT MERTAJAM

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, SETIAP PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BN MESTILAH MENERIMA KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH SUARA RAMAI KERANA SOKONGAN ITU MERUPAKAN ASAS PENTADBIRAN PARTI DAN PENTADBIRAN NEGARA.

MENURUTNYA, SESIAPA JUGA YANG DISUKAI OLEH ORANG RAMAI, DIALAH AKAN MENJADI PEMIMPIN DAN SEKIRANYA DIA DITOLAK, MAKA DIA MESTILAH SANGGUP SECARA BAIK MENGUNDURKAN DIRI.

PERDANA MENTERI BERKATA, LANGKAH SEUMPAMA ITU TIDAKLAH BERMAKNA BAHAWA IA MERUPAKAN SUATU PENGHINAAN KERANA SESIAPA BUN AKAN TIBA

D311

U B497 DEB

MAHATHIR - BN 4 BUKIT MERTAJAM

+SAYA JUGA APABILA SAMPAI MASANYA, APABILA SUDAH ADA PETANDA-PETANDA YANG JELAS. TETAPI JANGANLAH ADA SESIAPA SENGAJA SURUH SAYA UNDIR, SAYA JUGA MESTI UNDIR DIRI,+ KATANYA DISAMBUS OLEH PEKIKAN PARA PENYOKONG BN +HIDUP MAHATHIR, HIDUP MAHATHIR+.

PERDANA MENTERI JUGA MENDEDAHKAN SATU PERKEMBANGAN BARU YANG BERLAKU DI KALANGAN SEBUAH PARTI POLITIK APABILA MEREKA MENGGUNAKAN ORANG-ORANG YANG BARU MEMELUK AGAMA ISLAM (MUALLAF) SEBAGAI +ALAT POLITIK.+

MENURUT BELIAU, KERANA MUALLAF INI BOLEH BERTUTUR DALAM BAHASA YANG DIFAHAMI OLEH KEBANYAKAN ORANG MELAYU, MAKA ORANG INI DIPERGUNAKAN UNTUK MENGAPI-APIKAN PERASAAN ORANG BUKAN MELAYU TERHADAP PARTI UMNO DAN KERAJAAN BN.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN SEDANG MENELITI UCAPAN-UCAPAN ORANG SEPERTI ITU DAN KALAU MEREKA MENCETUSKAN RUSUHAN ATAU TINDAKAN YANG TIDAK DIIZINI OLEH UNDANG-UNDANG, MAKA MEREKA AKAN DIAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGINGATI ORANG-ORANG CINA KHUSUSNYA SUPAYA TIDAK AKAN TERPEDAYA DENGAN HELAH PARA MUALLAF YANG DIPERALATKAN ITU YANG DIDOKTRINKAN DENGAN PELBAGAI HUJAH YANG BERASASKAN PERKAUMAN. -- LAGI.

1706MST 06 08 85

MAHATHIR - BN 5 BUKIT MERTAJAM

PERDANA MENTERI YAKIN NEGARA INI AKAN TERUS MENCAPAI KEMAJUAN DAN AMAN HASIL KERJASAMA PENDUDUKNYA YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM.

DI SAMPING ITU, BELIAU JUGA MAHUKAN RAKYAT SUPAYA TERUS MENYOKONG DASAR-DASAR KERAJAAN KERANA KERJASAMA DI ANTARA KEDUA-DUA PIHAK AKAN MEMBAWA HASIL YANG AMAT BERMAKNA UNTUK NEGARA.

SEBELUM ITU, SEBAIK TIBA PERDANA MENTERI TELAH DIARAK OLEH KIRA-KIRA 500 ORANG PENUNGGANG DAN PEMBONCENG MOTOSIKAL TERDIRI DARIPADA ANGGOTA-ANGGOTA PERGERAKAN PEMUDA PARTI-PARTI KOMPONEN BN DAN PALUAN KOMPANG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERSAMA-SAMA ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH, DIRINGI OLEH KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA SELAKU KETUA BAHAGIAN UMNO PERMATANG PAUH, ENCIK ANWAR IBRAHIM DAN MENTERI PELAJARAN DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI.

YANG TURUT HADIR PADA PERHIMPUNAN ITU IALAH KETUA MENTERI DR. LIM CHONG EU, TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DR. GOH CHENG TEIK, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI DATUK ZAINOL MAHMOOD DAN PARA EXCO KERAJAAN NEGERI. -- BERNAMA.

1710MST 06 08 85